

Jabatan Penerangan Sudah Bersedia Hadapi PRU13, Kata Ketua Pengarah Bernama
20 Oktober, 2012

TAWAU, 20 Okt (Bernama) -- Jabatan Penerangan Malaysia sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum ke-13, baik dari segi tenaga kerja mahupun logistik, kata Ketua Pengarah Penerangan Malaysia Datuk Ibrahim Abdul Rahman.

Beliau berkata jabatan itu telah lama bersedia dan kini melakukan penyelenggaraan bagi memastikan sistem sentiasa dalam keadaan baik untuk digerakkan apabila perlu.

Persiapan jabatan termasuk penyediaan maklumat yang hendak disebar kepada rakyat serta program komuniti yang dilaksana secara berterusan, katanya kepada pemebrita selepas mesyuarat warga Jabatan Penerangan Sabah dan taklimat isu semasa, di sini hari ini.

Katanya sebagai agensi kerajaan yang dipertanggungjawab menyampaikan dasar kerajaan, pihaknya terus meningkatkan aktiviti turun padang bersama masyarakat bagi memastikan rakyat memahami dasar berkenaan termasuk Belanjawan 2013.

Antara perkara yang diberi fokus ialah penjelasan berkaitan pelbagai bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, Perumahan Rakyat 1Malaysia, Tayar 1Malaysia, Klinik 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703494>